

Teliti keberkesanan penalti lebih tinggi pesalah kes

Kuala Lumpur: Peningkatan nilai denda terhadap pesalah kes pencemaran sumber air perlu disusuli penyelarasan kerjasama pelbagai agensi dan penguatkuasaan secara menyeluruh, khususnya membabitkan 'kawasan panas'.

Presiden Persatuan Pencinta Alam (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, menyifatkan pindaan perundangan berkaitan untuk memperuntukkan hukuman denda lebih berat kepada pesalah kes sedemikian adalah langkah tepat mengikut perkembangan semasa.

Bagaimanapun, katanya, setiap prosiding mahkamah membabitkan kes pencemaran memerlukan beban pembuktian yang sangat sukar; sekali gus menyaksikan pesalah biasanya hanya dikenakan denda pada kadar lebih rendah.

"Membuktikan kesan pencemaran bukan tugas mudah kerana akhirnya hakim perlu mem-

buat keputusan mengikut asas pembuktian dan hujahan, termasuk membabitkan kos kerugian yang dialami pelbagai pihak dalam insiden pencemaran air.

"Hasrat kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk meminda perundangan berkaitan supaya kadar penalti ditingkatkan amat tepat, tetapi sejauh mana ia dapat menjadi pemangkin ke arah usaha mengekang insiden sedemikian daripada berterusan adalah persoalan lain.

"Banyak faktor lain yang memainkan peranan jika kita teliti dari aspek keberkesanan perundangan dengan memperuntukkan penalti lebih tinggi," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata, denda maksimum untuk kesalahan pencemaran air akan dinaikkan kepada RM1 juta, berbanding jumlah asal RM500,000 menerusi langkah me-

nambah baik Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.

Pindaan enakmen berkenaan akan dibawa untuk dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang dijadualkan mulai Oktober hingga November depan.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man turut dilaporkan berkata, pindaan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada akan disegerakan supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap pesalah kes pencemaran sumber air.

Pindaan itu antara lain membabitkan Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ahmad berkata, usaha menangani pencemaran air juga wajar disusuli pelarasan kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Perumahan



Dr Ahmad Ismail

dan Kerajaan Tempatan (KPKT), agensi penyelia pembekalan air di peringkat negeri seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta kerajaan negeri.

"Jika penguatkuasaan dan pengurusan membabitkan industri yang berupaya mengundang risiko pencemaran dilakukan secara lebih bersepadu, insiden yang menjejaskan pelbagai sektor ekonomi seperti ini mungkin tidak akan berulang.

"Jangan kompromi perihal menjaga zon penampungan sungai kerana sebarang operasi kilang, tanpa mengira jenis pelupusan bahan buangan berdekatan tebing sungai berupaya mengundang kesan negatif yang tidak dapat dijangka," katanya.